

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
30 OKTOBER 2013**

1. BIL CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL PERTAMA 2014

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa bil cukai taksiran untuk **Penggal Pertama 2014** akan mula diterima oleh semua pemilik premis di Seberang Perai mulai **15 November 2013** dan pembayaran perlu dibuat sebelum **28 Februari 2014**. Bil tersebut juga boleh disemak di Kaunter Bayaran MPSP atau di laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my.

Pembayaran cukai taksiran boleh dibuat di semua kaunter MPSP, laman web dan agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

2. PROMOSI BAYARAN CUKAI PINTU 2014 (CABUTAN BERTUAH DAN CENDERAHATI TAHUN 2014)

Di sini juga saya memaklumkan bahawa kepada pembayar cukai taksiran yang membayar **keseluruhan cukai tahunan 2014 berserta tunggakan (jika ada)** mulai 15 November 2013 hingga 31 Disember 2013 akan diberi kupon letak kereta percuma sebagai cenderahati serta layak menyertai cabutan bertuah. **Bagi setiap akaun yang telah dibayar, pemilik akan menerima 2 buku kupon jam letak kereta secara percuma.** Stok cenderahati adalah terhad. Cenderahati ini boleh dituntut di semua kaunter bayaran MPSP dengan mengemukakan bukti pembayaran.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi di 04-5497470/471/697/696/468 atau e-mail di waran@mpsp.gov.my.

3. PENCEROBOHAN AWAM DI KAWASAN LAPANG DI TAMAN-TAMAN PERUMAHAN

Dimaklumkan bahawa MPSP seringkali menerima aduan berkenaan masalah pencerobohan awam di kawasan lapang dalam taman-taman perumahan di seluruh Seberang Perai. Ianya melibatkan aktiviti – aktiviti seperti menjalankan / mengusahakan kebun-kebun sayuran, membina struktur tanpa kebenaran seperti gerai / bangsal, menjadikan kawasan lapang sebagai tempat letak kenderaan dan lain-lain lagi.

Penduduk-penduduk di taman-taman perumahan adalah dinasihatkan untuk tidak melaksanakan aktiviti-aktiviti seperti diatas kerana kawasan – kawasan lapang ini adalah merupakan kawasan awam yang diselenggara oleh MPSP. Aktiviti – aktiviti tersebut mengganggu kelancaran pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan oleh MPSP yang meliputi kerja-kerja pemotongan rumput, cantasan pokok, pembaikan alat mainan, juga penggunaan kawasan lapang sebagai kawasan rekreasi dan lain-lain lagi.

Tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas penduduk – penduduk yang didapati bersalah mencero bohi kawasan – kawasan lapang ini di bawah Undang - Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1992 yang memperuntukan apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi dua (2) ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya dan mengenai kesalahan yang berterusan dikenakan denda tidak melebihi dua (2) ratus ringgit bagi tiap-tiap satu hari dalam masa kesalahan itu berterusan setelah disabitkan.

4. TINDAKAN PENGUATKUASAAN TERHADAP PENJAJA-PENJAJA HARAM

Daripada pemeriksaan di tapak , MPSP mendapati semakin ramai penjaja yang memulakan perniagaan tidak membuat permohonan

lesen dan menjaja secara sesuka hati di kawasan – kawasan terutamanya di tepi jalan utama , jalan susur dan jalan dalam taman perumahan. MPSP memandang serius isu ini dan ingin menghebahkan kepada orang ramai terutamanya penjaja yang ingin memulakan perniagaan supaya mendapatkan lesen terlebih dahulu daripada sebelum memulakan perniagaan.

MPSP sekarang sedang giat membuat pemeriksaan dan mengambil tindakan penguatkuasaan kepada penjaja tanpa lesen dan semua penjaja yang berniaga dinasihati untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh MPSP dibawah Undang - Undang Kecil Penjaja 1991.

Sebagai alternatif kepada penjaja yang ingin berniaga, MPSP menyediakan ruang niaga di pasar dan kompleks penjaja dan kepada penjaja yang berminat bolehlah menghadiri temuduga terbuka yang diadakan pada setiap bulan. Maklumat boleh didapati di laman web MPSP, www.mpsp.gov.my .

Sebarang khidmat nasihat berkenaan pelesenan penjaja , bolehlah berhubung dengan Jabatan Pelesenan di talian 04-5497685 dan 04-5497682 atau hadir sendiri ke Tingkat 1, MPSP, Bandar Perda.

5. PELAKSANAAN JALAN SEHALA DI PEKAN PENANTI, BUKIT MERTAJAM

Dimaklumkan, MPSP telah meluluskan cadangan jalan sehala di Pekan Penanti, Bukit Mertajam. Tujuan pelaksanaan jalan sehala ini ialah untuk mewujudkan aliran lalulintas yang teratur dan selamat untuk digunakan oleh orang awam. Tempoh percubaan pelaksanaan jalan sehala ini adalah selama 3 bulan yang akan bermula 9 November 2013. Sebarang maklumbalas hendaklah dirujuk kepada Unit Jalan dan Lalu Lintas, Jabatan Kejuruteraan, MPSP melalui email jalan&lalulintas@mpsp.gov.my. Maklumbalas tersebut akan diambil kira sebelum laluan sehala ini dimuktamadkan.

6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Untuk mewujudkan warga Seberang Perai yang lebih sihat Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku pada hari Ahad 3 November 2013. Manakala Program Senamrobik di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan akan diadakan pada 17 November 2013 (Ahad) dan Senamrobik Bersama MPSP di Taman Berjaya, Nibong Tebal pada 24 November 2013 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

7. SELAMAT MENYAMBUT HARI DEEPAVALI

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada warga MPSP yang menganut agama Hindu dan juga kepada seluruh penganut agama Hindu di Pulau Pinang yang akan disambut pada 2 November 2013 (Sabtu).

8. SELAMAT MENYAMBUT AWAL MUHARRAM 1435H

Dimaklumkan bahawa Awal Muharam (Maal Hijrah) 1435 Hijrah tahun ini adalah bersamaan dengan 5 November 2013 (Selasa) dan merupakan Hari Kelepasan Am.

SEKIAN, TERIMA KASIH.